

Tanda-Tanda Akhir Zaman

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ
لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَ أَوْصِيكُمْ وَآيَايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wa taala* dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita diberkati dan dirahmati Allah *subhanahu wa taala* di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *subhanahu wa taala*,

Firman Allah *subhanahu wa taala* dalam surah Muhammad ayat 18:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

فَهَلْ يَنْظُرُونَ إِلَّا السَّاعَةَ أَنْ تَأْتِيَهُمْ بَغْتَةً ^طفَقَدْ جَاءَ أَشْرَاطُهَا فَأَنَّى لَهُمْ إِذَا جَاءَتْهُمْ ذِكْرُهُمْ ^{١٨}

Yang bermaksud: *“Kiranya golongan yang ingkar masih tidak mahu menerima peringatan yang diberi kepadanya maka tiada lagi yang mereka tunggukan melainkan saat kiamat yang akan datang kepada mereka secara mengejut kerana sesungguhnya telah lahir tanda-tanda kedatangannya, kalaulah demikian, maka bagaimanakah mereka dapat menerima peringatan yang diberi kepada mereka apabila saat kiamat itu datang kepada mereka.”*

Sedarkah bahawa kita sekarang sudah berada pada akhir zaman? Tanda-tanda akhir zaman telah dinyatakan oleh Rasulullah *sallallahu alaihi wassalam* dalam beberapa hadis sahih, antaranya hadis riwayat Imam al-Bukhari daripada Abu Hurairah *radhiyallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wassalam* bersabda yang bermaksud:

Tidak akan tiba hari kiamat sehingga ada dua golongan besar saling bunuh-membunuh, antara keduanya itu berlaku peperangan yang besar, di mana dakwah kedua-duanya adalah satu. Dan tidak akan tiba hari kiamat sehingga banyak kaum dajal yang pendusta yang bilangannya hampir tiga puluh orang, semuanya mengaku bahawa dirinya adalah Rasulullah. Dan tidak akan tiba hari kiamat sehingga ilmu pengetahuan dicabut. Dan tidak akan tiba hari kiamat sehingga banyak terjadi gempa bumi, masa menjadi dekat, banyak timbul fitnah, banyak berlaku pembunuhan (peperangan), banyak harta sampai melimpah ruah sehingga tuan punya harta susah mencari orang yang suka menerima sedekahnya. Dia pergi ke sana sini menawarkan hartanya tetapi tiada orang yang mahu menerimanya. Orang yang ditawarkan harta itu berkata: “Aku tidak memerlukan harta lagi”. Dan tidak akan tiba hari kiamat sehingga manusia itu bermegah-megah dengan bangunan-bangunan yang menjulang tinggi. Dan manusia itu melalui kubur seorang yang lain lalu berkata; “Alangkah baiknya kalau aku

dahulu ditempatkan di tempatnya”. Dan tidak akan tiba hari kiamat sehingga matahari terbit dari arah terbenamnya. Apabila matahari itu terbit dari arah tempat terbenamnya dan manusia ramai yang mengetahuinya, maka mereka itupun berimanlah kesemuanya, padahal dalam keadaan sedemikian keimanan mereka tidak berguna lagi. Dahulunya mereka tidak pernah beriman dan tidak melakukan kebaikan dalam keimanan mereka. Dan sesungguhnya kiamat itu akan tiba disaat dua orang sedang mempamerkan pakaian untuk diniagakan, tetapi kedua-duanya tidak sempat menjualbelikan pakaian yang dipamerkan itu dan tidak sempat melipatkannya kembali. Dan sesungguhnya kiamat akan tiba disaat seorang yang baru sahaja kembali membawa air susu yang diperah dari untanya, tetapi tidak sempat meminumnya. Dan sesungguhnya kiamat itu akan tiba, yang mana seorang yang baru sahaja membaiki kolamnya tidak sempat mengisikan air ke dalam kolam itu. Dan sesungguhnya hari kiamat akan tiba yang mana seorang sedang menyuapkan makanan ke mulutnya tetapi tidak sempat memakan makanannya itu.

Hadis yang dibacakan tadi memberi suatu pengajaran bahawa tanda-tanda kiamat yang telah digambarkan oleh Rasulullah *sallallahu alaihi wassalam* antaranya telah pun wujud pada hari ini. Dengan itu, apabila yang berlaku ini menjadi pengajaran dan memandu kita untuk menjadi manusia yang bertaqwa.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *subhanahu wa taala*,

Pada akhir zaman ini banyak berlaku fitnah. Fitnah yang berlaku melibatkan perkara yang berkaitan dengan aliran kefahaman (ideologi), persoalan politik, sosial, kemasyarakatan dan ekonomi. Fitnah-memfitnah dewasa ini menjadi suatu lumrah kehidupan yang tidak mendatangkan rasa takut dalam kalangan manusia. Manusia sanggup memfitnah

manusia lain kerana mengejar kekuasaan, kedudukan, pangkat, kekayaan dan kesenangan hidup.

Sebahagian tanda akhir zaman ialah ilmu agama semakin hilang dalam diri manusia. Alim ulama yang meninggal dunia tiada penggantinya. Ilmu agama digunakan untuk kepentingan diri. Orang jahil mengaku mengetahui ilmu agama dan sanggup mengeluarkan fatwa-fatwa mengikut hawa nafsu. Sabda Rasulullah *sallallahu alaihi wassalam* dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim daripada Ibnu Umar *radhiyallahu anhu*:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَقْبِضُ الْعِلْمَ انْتِزَاعًا يَنْتَزِعُهُ مِنَ الْعِبَادِ وَلَكِنْ يَقْبِضُ الْعِلْمَ بِقَبْضِ الْعُلَمَاءِ ، حَتَّى إِذَا لَمْ يَبْقَ عَالِمٌ اتَّخَذَ النَّاسُ رُؤْسَاءَ جُهَالًا ، فَسُئِلُوا فَأَفْتَوْا بِغَيْرِ عِلْمٍ ، فَضَلُّوا وَأَضَلُّوا.

Yang bermaksud: *Sesungguhnya Allah tidak akan mencabut ilmu dengan sekaligus daripada hamba-hambanya, tetapi ia mencabut (mengambil) ilmu dengan mematikan para alim ulama, sehingga apabila tidak ada seorang ulama pun yang tinggal (yang hidup), lalu manusia melantik ketua mereka orang yang jahil (orang yang tiada pengetahuan agama). Jika mereka ditanya, terus sahaja memberi fatwa yang tidak berdasarkan ilmu pengetahuan yang sebenar. Maka mereka itu sesat dan menyesatkan orang lain.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *subhanahu wataala*,

Marilah kita bersama-sama mengambil pengajaran daripada tanda-tanda akhir zaman ini. Adakah kita telah bersedia untuk menghadapi hari pembalasan yang pasti akan tiba? Adakah kita telah memperbanyakkan amal-amal soleh untuk bekalan kita di akhirat kelak? Oleh itu, tanamkan

tekad dan azam untuk meninggalkan segala dosa dan kemungkaran yang telah kita lakukan. Bersegeralah bertaubat dan mohon keampunan daripada Allah *subhanahu wa taala*. Perbanyakkanlah amal ibadah dengan melakukan perkara-perkara makruf dan mencegah kemungkaran. Sentiasalah membasahi bibir kita dengan zikrullah. Jangan tinggalkan amalan fardu dan perbanyakkan amalan sunat. Berbuat baiklah kepada sesama manusia dan jangan memburuk dan mendedahkan keaiban orang lain. Ingatlah! kiamat pasti akan tiba.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

أَزَفَتِ الْأَزْفَةُ ﴿٥٧﴾ لَيْسَ لَهَا مِنْ دُونِ اللَّهِ كَاشِفَةٌ ﴿٥٨﴾

Yang bermaksud: *Telah hampir masa datangnya saat yang dekat itu (hari kiamat). Tidak ada sesiapa pun selain Allah yang dapat menyatakan bila dan bagaimana terjadinya.*

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ
التَّائِبِينَ.